

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 JANUARY 2017

# Laporan CIA tak kaitkan saya: Tun M

BH - 27/1/2017

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa pendedahan dokumen milik Agensi Perisikan Pusat (CIA) berhubung skandal Bumiputera Malaysia Finance (BMF) sekitar 1980-an tidak mengaitkannya secara langsung dalam isu terbabit.

Bekas Perdana Menteri berkata, pendedahan dokumen itu juga bukan laporan khusus oleh Amerika Syarikat (AS) terhadap BMF, sebaliknya ia adalah laporan maklumat biasa oleh kerajaan AS ketika itu.

“Laporan CIA itu mengesahkan Perdana Menteri ketika itu

tidak terbabit secara peribadi atau secara langsung dalam isu BMF dan ia boleh ditemui dalam muka surat empat laporan berkenaan di bawah sub tajuk *Assessing the Political Damage*.

## Rujuk kenyataan Tun M

“Laporan itu juga merujuk kenyataan saya pada Julai 1983 bahawa pengurusan BMF terhadap pinjaman kewangannya adalah kurang bijak dan saya sudah menyatakan ikrar supaya tindakan dan siasatan perlu dijalankan,” katanya menerusi entri terbaru di blog rasminya.

Dr Mahathir berkata, isu BMF



Laporan CIA itu mengesahkan Perdana Menteri ketika itu tidak terbabit secara peribadi atau secara langsung dalam isu BMF”

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Bekas Perdana Menteri

hanya membabitkan pengurusan bank berkenaan, bukan kerajaan semata-mata.

## Tak terbabit skandal

Katanya, laporan CIA itu turut merujuk kepada siasatan polis atas saranan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Siasatan Khas yang ditubuhkan untuk menyiasat isu berkenaan.

“Saya ingin menegaskan sulsulan pendedahan laporan CIA itu, saya tidak terbabit dalam sebarang skandal seperti isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ketika ini,” katanya.